



PASUKAN Duta Jauhar USIM merangkul anugerah emas sempena Kongres Duta Jauhar 2,0 di UTHM, Johor, baru-baru ini.

Duta Jauhar USIM raih anugerah emas

SEREMBAN 1 Mac. - Pasukan Duta Jauhar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merangkul anugerah emas pada Kongres Duta Jauhar 2.0 bertempat di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) baru-baru ini.

Menerusi projek pemindahan ilmu berbentuk pendidikan, Pembangunan Pendidikan Orang Asli (De'Asli), pasukan yang terdiri daripada 30 mahasiswa pelbagai jurusan pengajian USIM membawa pulang hadiah wang tunai RM1,500, piala iringan serta sijil penghargaan.

Projek De'Asli dilaksanakan kepada masyarakat Orang Asli di Kampung Orang Asli Segamat Kechil, Segamat, Johor bermula Mei tahun untuk meningkatkan minat

belajar kepada anak-anak orang asli di sana.

Menggunakan modul *Fun Learning* yang dihasilkan sendiri, ia membantu anak-anak Orang Asli belajar dengan lebih baik sekali gus meningkatkan peratusan kehadiran melebihi 90 peratus ke sekolah.

Selain itu, keputusan pencapaian dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) lalu turut menunjukkan peningkatan.

Menurut seorang Duta Jauhar USIM, Muhammad Hafiz Jalil, 23, program tersebut memberi peluang kepada mahasiswa untuk membantu kerajaan dalam mentransformasikan masyarakat khususnya Orang Asli menggunakan ilmu yang

dipelajari di universiti.

“Projek ini memberi kesedaran kepada golongan berkenaan mengenai kepentingan pendidikan untuk jaminan kehidupan lebih baik.

“Selain melaksanakan program pendidikan, kami turut menjalankan aktiviti-aktiviti komuniti bersama penduduk kampung disamping mengimarahkan surau dengan program kerohanian,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Program Duta Jauhar dilaksanakan bagi memberi ruang kepada anak muda serta mahasiswa menyertai usaha meningkatkan kedudukan sosioekonomi masyarakat di Johor.